



# IRIS

## SISTEM PEMANTAUAN BERSEPADU UNTUK KESELAMATAN BANDAR

MAJLIS BANDARAYA  
SHAH ALAM



MAJLIS PERSADA INOVASI  
PERINGKAT NEGERI SELANGOR

No :

(Untuk Kegunaan Pejabat)



**BORANG PENYERTAAN MAJLIS PERSADA INOVASI PERKHIDMATAN  
AWAM PERINGKAT NEGERI SELANGOR TAHUN 2025**

<b>LATAR BELAKANG KUMPULAN</b>	
Nama Kumpulan	EX-7
Nama Organisasi	MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
Alamat	TINGKAT 16, WISMA MBSA, PERSIARAN PERBANDARAN, 40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN
No Telefon & Faks	03-55105133
E - Mel	
Tarikh kumpulan ditubuhkan	02 JANUARI 2024
Bilangan ahli	10 ORANG
Nama Ketua Kumpulan	TS. NAJHAN PATA BIN SAIRI
Nama Ahli	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. SHAMSULKAMAR BIN AMAT</li> <li>2. SAHRUL AZRI BIN SARNI</li> <li>3. ILYAS BIN MD JOHARI</li> <li>4. HASANUL ASRAF BIN ROHMAN</li> <li>5. ISKANDAR BIN MANSOR</li> <li>6. HAIRUDDIN BIN SAIDAN</li> <li>7. AZLAN BIN SUHAIMI</li> <li>8. SYED ZARIF IRZAT BIN SYED SAZLY</li> <li>9. NIZAM BIN YUSOF</li> </ol>
Nama Fasilitator (sekiranya ada)	PN. WAN SURAYA BINTI SAHABALUDIN
Nama projek	IRIS
Bidang inovasi	SOSIAL
Kategori inovasi	PENCIPTAAN
Tarikh mula projek	02 JANUARI 2024
Tarikh siap projek	30 APRIL 2024
<b>PENGESAHAN KETUA JABATAN</b>	
<p><b>Pengesahan Ketua Jabatan / Agensi :</b></p> <p>i) Saya mengesahkan bahawa segala maklumat yang dikemukakan adalah benar dan projek ini telah diluluskan oleh Jawatankuasa Pemandu Inovasi pada.....</p> <p>ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada .....</p>	

ii) Projek ini telah dipertandingkan diperingkat jabatan pada .....

Tandatangan Ketua Jabatan / Agensi

Cop Jabatan / Agensi

Tarikh : .....

25.4.2025 .

**PENGESAHAN PANEL PENILAI (JIKA BERKAITAN)**

**Pengesahan**

**Panel :**

Saya mengesahkan bahawa projek ini telah melalui proses penilaian pada..... dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

**Tandatangan Panel Penilai**

.....  
**Nama :**

**No. Kad Pengenalan:**

**Jawatan/Gred:**

**Jabatan/Agensi:**

**No.Siri:**

**Tarikh:**



## SEKAPUR SIRIH

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Kumpulan KIK EX7 yang akan mewakili MBSA dalam Majlis Persada Inovasi Peringkat Negeri Selangor Tahun 2025. Kumpulan ini telah menunjukkan semangat juang yang tinggi dan komitmen yang luar biasa dalam menghasilkan inovasi yang tidak hanya memberi manfaat kepada MBSA, tetapi juga kepada komuniti setempat.


Saya ingin memberi pujian khususnya kepada Kumpulan KIK EX7 atas pencapaian cemerlang mereka dalam membangunkan inovasi IRIS satu inisiatif yang sangat relevan dan memberi impak positif kepada sistem penyampaian perkhidmatan. Inovasi ini menunjukkan tahap kecemerlangan yang luar biasa dan pastinya memberi inspirasi kepada semua pihak untuk terus berusaha dalam memperkenalkan idea-idea baru yang lebih kreatif dan berkesan.

Syabas diucapkan kepada Kumpulan KIK Jasmine atas dedikasi dan usaha keras mereka. Saya berharap pencapaian ini akan terus diteruskan dan memberikan inspirasi kepada seluruh warga MBSA dan organisasi lain di negeri Selangor. Semoga kejayaan ini akan membawa kejayaan yang lebih besar di peringkat negeri dan seterusnya.

**Dato' Mohd Fauzi Bin Mohd Yatim**

Datuk Bandar

Majlis Bandaraya Shah Alam



## ISI KANDUNGAN

BIL	TAJUK	M/S
1	<b>BAHAGIAN 1: PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN</b>	
2	• LATAR BELAKANG KUMPULAN	1
3	• KETERANGAN PROJEK	2
4	• SOKONGAN DAN KELULUSAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI	2
5	<b>BAHAGIAN 2 : SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK</b>	
6	• KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN	2
7	• MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN ( <i>STAKEHOLDER</i> )	4
8	• KAITAN DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL	5
9	• KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA	6
10	• PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS (BAGI TUJUAN PENYELESAIAN)	6
11	• PENYATAAN SASARAN <i>OUTCOME</i> DAN IMPAK	10
12	<b>BAHAGIAN 3: TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN</b>	
13	• CADANGAN PENYELESAIAN	10
14	• PELAKSANAAN INOVASI	11
15	<b>BAHAGIAN 4: KEBERHASILAN PROJEK</b>	
16	• KESAN JANGKA PENDEK	18
17	• NILAI TAMBAH	19
18	<b>BAHAGIAN 5: POTENSI PENGEMBANGAN INOVASI</b>	
19	• TAHAP KETERSEDIAAN TEKNOLOGI/SISTEM/PROSES	22
20	• TAHAP REPLIKASI ATAU PENGKOMERSIALAN (ROI) – PENYERAGAMAN	23
21	<b>PENUTUP</b>	25

## RINGKASAN EKSEKUTIF

**Projek:** IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar

**Bidang:** Sosial

**Kategori:** Penciptaan

### Pengenalan

Projek IRIS merupakan inisiatif inovatif di bawah Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) untuk meningkatkan keselamatan bandar melalui pemantauan bersepadu lampu jalan. Projek ini bermula pada 2 Januari 2024 dan telah berjaya disiapkan sepenuhnya pada 30 April 2024.

### Objektif Projek

- Memastikan lampu jalan berfungsi dengan baik secara berterusan.
- Meningkatkan keselamatan awam melalui pencahayaan yang lebih efektif.
- Mengurangkan kos penyelenggaraan melalui pengesanan awal kerosakan.
- Menyediakan data masa nyata bagi menyokong tindakan penyelenggaraan proaktif.

### Ciri-ciri Utama IRIS

- Pemantauan status lampu jalan secara langsung (real-time).
- Pengesanan awal kerosakan tiang lampu dan kegagalan fungsi.
- Penyampaian maklumat kepada jabatan teknikal secara automatik untuk tindakan segera.
- Penyimpanan data untuk analisis prestasi jangka panjang.

### Hasil dan Impak Sosial

- Menyumbang kepada keselamatan komuniti dengan mengurangkan kawasan gelap di bandar.
- Meningkatkan keberkesanan perkhidmatan awam melalui respons penyelenggaraan yang lebih cepat.
- Membantu dalam mengurangkan risiko jenayah berkaitan kawasan kurang pencahayaan.
- Meningkatkan keyakinan dan kesejahteraan sosial penduduk.

### Penjimatan yang Dicapai

- Penjimatan kos elektrik tahunan sekitar RM7.3 juta, hasil penggunaan lampu LED berkecekapan tinggi.
- Pengurangan kos kerosakan tiang lampu, kerana kerosakan dapat dikesan dan diperbaiki lebih awal sebelum menjadi serius.
- Pengurangan kos operasi dan penyelenggaraan berkala dengan pendekatan penyelenggaraan berdasarkan data sebenar dan bukan secara manual.

### Kesimpulan


IRIS berjaya membuktikan bahawa inovasi dalam bidang sosial mampu meningkatkan kualiti hidup masyarakat bandar melalui keselamatan yang lebih baik dan pengurusan sumber yang lebih cekap. Projek ini juga menyokong agenda bandar pintar (smart city) dengan menekankan elemen kecekapan, keselamatan dan kesejahteraan komuniti. IRIS turut memenangi Anugerah Khas 'The Executive Officer of the Union of Arab Academy (TUQOAA)' dan Gold Award dalam pertandingan 'Malaysia Technology Expo 2025 Public Service Innovation Asia'.



# BAHAGIAN 1: PENGLIBATAN PIHAK PENGURUSAN

## 1.1 LATAR BELAKANG KUMPULAN




MAKSUD LOGO KUMPULAN	CATATAN
<p><b>Warna pada logo</b></p> 	<p><b>Kuning:</b> Simbol kekuatan dari segi minda dan fizikal pasukan untuk menyelesaikan tugas</p> <p><b>Biru:</b> Interaksi komunikasi yang stabil dan telus</p> <p><b>Putih:</b> Menampilkan komunikasi yang stabil dan telus</p> <p><b>Merah:</b> Tindakan yang agresif dan positif</p> <p><b>Simbol:</b> 7 bintang berlandaskan 7 nilai teras MBSA</p>
<p><b>Bahagian/Unit yang terlibat</b></p>	<p>Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat dan Unit Integriti</p>

- Nama Kumpulan : **EX7**
- Nama Organisasi : MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM
- Alamat : Wisma MBSA, Persiaran Perbandaran, 4000 Shah Alam
- No.Telefon & Faks : 03-55108010
- Emel : wansuraya.mbsa@gmail.com
- Tarikh Kumpulan ditubuhkan : 2 Januari 2025
- Bilangan Ahli : 10 orang
- Fasilitator : Pn. Wan Suraya binti Sahabaludin (Ketua Seksyen Kualiti, MBSA)
- Ketua Kumpulan : Ts. Najhan Pata bin Sairi
- Ahli Kumpulan :
  1. Shamsulkamar bin Amat
  2. Sahrul Azri bin Sarni
  3. Ilyas bin Md Johari
  4. Hasanul Asraf bin Rohman
  5. Iskandar bin Mansor
  6. Hairuddin bin Saidan
  7. Azlan bin Suhaimi
  8. Syed Zarif Irzat bin Syed Sazly
  9. Nizam bin Yusof
- Bidang Inovasi : Sosial
- Kategori Inovasi : Penciptaan
- Tarikh Siap Projek : 01 Mac 2025
- Nama Projek : IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu Untuk Keselamatan Bandar

### CARTA KEHADIRAN MESYUARAT

MESYUARAT KUMPULAN EX-7



### CARTA KEHADIRAN MESYUARAT

**Bilangan Mesyuarat : 20 Kali**  
**Hari : Selasa**  
**Masa : 2.00 petang**  
**Kehadiran Mesyuarat : 98%**

JADUAL KEHADIRAN DAN MESYUARAT EX-7

BIL	NAMA AHLI	JUMLAH KEHADIRAN	PERATUS KEHADIRAN
1	NIZAM	20/20	100.00
2	NAJHAN	20/20	100.00
3	SUHAIMI	19/20	95.00
4	ISKANDAR	19/20	100.00
5	ZARIF	20/20	100.00
6	SAHRUL	20/20	100.00
7	SHAMSUL	20/20	100.00
8	HASANOL	19/20	95.00
9	ILYAS	19/20	95.00
10	HAIRUDDIN	19/20	95.00

## 1.2 KETERANGAN PROJEK

### Pengenalan KIK Primer Bidang Sosial Kategori Penciptaan:

Isu keselamatan bandar adalah keperluan asas yang menjadi keutamaan dalam pentadbiran kerajaan tempatan. Dengan peningkatan aduan terhadap jenayah, gangguan sosial, dan bencana alam, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memerlukan sistem pemantauan yang lebih berkesan dan responsif. Inovasi "IRIS - Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar" merupakan usaha terbaru yang dibangunkan melalui kerjasama pelbagai jabatan di MBSA untuk meningkatkan keselamatan bandar dan mencipta persekitaran yang lebih selamat dan mesra pengguna. Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) EX7 memperkenalkan sistem IRIS yang mengintegrasikan kamera pemantauan pintar, teknologi Internet of Things (IoT), dan sumber tenaga hijau berasaskan solar. Teknologi lampu solar efisien yang digunakan dalam sistem ini bukan sahaja mengurangkan penggunaan tenaga elektrik konvensional, tetapi juga meningkatkan keselamatan di kawasan yang kurang mendapat perhatian. Kerjasama antara jabatan MBSA memastikan pelaksanaan projek ini mencapai objektif keselamatan bandar yang ditetapkan.

Inovasi ini memberi impak langsung kepada keselamatan dan kesejahteraan penduduk serta menyumbang kepada kemajuan negara dalam pembangunan bandar pintar.

### 1.3 KESAN LATAR BELAKANG MASALAH:

Pengguna	Organisasi	Pemegang Taruh	Negara
<ul style="list-style-type: none"><li>- Risiko keselamatan.</li><li>• Kehilangan kepercayaan terhadap sistem bandar pintar.</li><li>• Gangguan rutin harian.</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Prestasi dilihat tidak cekap.</li><li>- Reputasi terjejas.</li><li>- Pembaziran sumber.</li><li>- Sukar merancang penambahbaikan</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Ketidakselarasan antara pihak.</li><li>- Ketegangan hubungan.</li><li>- Cabaran membuat keputusan berasaskan data</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- Imej negara tercalar.</li><li>- Kepercayaan pelabur menurun.</li><li>- Kerugian ekonomi.</li><li>- Menggugat pencapaian SDG dan agenda bandar pintar.</li></ul>

### 1.4 SOKONGAN DAN KELULUSAN PIHAK PENGURUSAN TERTINGGI

Penubuhan Kumpulan : 02 Januari 2024

Permohonan kepada Pengurusan Tertinggi : 01 Ogos 2024

Kelulusan Pengurusan Tertinggi : 08 Ogos 2024

## BAHAGIAN 2: SIGNIFIKAN PEMILIHAN PROJEK

### 2.1 KAITAN DENGAN FUNGSI UTAMA JABATAN

Projek Inovasi IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar mempunyai hubungan yang kukuh dengan visi, misi Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), serta fungsi utama Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat (JDTM) dan jabatan-jabatan berkaitan. Pemilihan projek ini berdasarkan keperluan semasa untuk meningkatkan keselamatan bandar secara pintar dan bersepadu.

Kaitan dengan Visi MBSA:

"Menjadikan Shah Alam Sebagai Bandaraya Pintar, Lestari dan Sejahtera."

- Memanfaatkan teknologi pintar (IoT, pemantauan digital) dalam pengurusan keselamatan bandar.
- Menggunakan tenaga boleh diperbaharui (solar) untuk menjamin kelestarian sistem.
- Meningkatkan kesejahteraan penduduk melalui sistem keselamatan yang proaktif dan responsif.

Kaitan dengan Misi MBSA:

"Memberi Perkhidmatan Perbandaran Yang Cekap, Mampan dan Mesra Rakyat."

- Menyediakan perkhidmatan pemantauan keselamatan yang cekap dan bersepadu.
- Meningkatkan kecekapan pengurusan data keselamatan melalui integrasi teknologi.
- Memberi respons pantas terhadap insiden keselamatan, menjadikan perkhidmatan lebih mesra rakyat.

Kaitan dengan Fungsi Utama Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat (JDTM):

- Membangun dan menyelenggara sistem ICT serta menyokong pendigitalan bandar.
- Menjalankan integrasi sistem antara jabatan seperti Penguatkuasaan, Kejuruteraan, dan Unit Integriti.
- Meningkatkan kecekapan operasi MBSA melalui aplikasi teknologi.

Kaitan dengan Fungsi Jabatan-Jabatan Lain:

- Jabatan Penguatkuasaan: Memberi maklumat langsung untuk penguatkuasaan yang lebih efektif.
- Jabatan Kejuruteraan: Menyokong inisiatif pencahayaan solar dan reka bentuk sistem bandar pintar.
- Unit Integriti: Menyumbang kepada pemantauan operasi yang telus dan boleh diaudit.

#### Hubungan Elemen dan Rasional Projek

Bil	Fungsi / Objektif	Rasional
1	Meningkatkan keselamatan kawasan bandar melalui pemantauan bersepadu dan real-time	Kejadian jenayah, vandalisme, dan kecemasan semakin meningkat dan memerlukan sistem pemantauan proaktif dan berpusat.
2	Mengintegrasikan pelbagai sistem pemantauan di bawah satu platform digital	Sistem yang sedia ada beroperasi secara terpisah dan menyukarkan pemantauan menyeluruh serta analisis data yang efektif.
3	Menyokong aspirasi bandar pintar dan rendah karbon MBSA	Penggunaan teknologi pintar dan tenaga solar selari dengan dasar bandar pintar dan kelestarian alam sekitar.
4	Mempercepatkan tindakan jabatan-jabatan berkaitan berdasarkan data masa nyata (real-time)	Respons pantas terhadap isu keselamatan mampu mengurangkan risiko dan meningkatkan keyakinan awam.
5	Menyediakan data yang boleh dianalisis untuk penambahbaikan polisi keselamatan	Data yang dikumpul boleh digunakan untuk merancang strategi keselamatan jangka panjang dan berasaskan bukti.
6	Menambah ketelusan dan integriti dalam pemantauan oleh Unit Integriti MBSA	Sistem digital membolehkan jejak audit dan pemantauan telus terhadap tindakan dan pelaporan berkaitan keselamatan.
7	Menyelaraskan kolaborasi antara jabatan melalui satu sistem bersepadu	Memastikan komunikasi antara jabatan lebih efisien dan mengurangkan silo informasi.

#### B. MEMENUHI KEHENDAK PELANGGAN DAN PIHAK BERKEPENTINGAN (STAKEHOLDER)

**Projek Inovasi IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar** dibangunkan untuk memenuhi keperluan pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam aspek keselamatan, penyelenggaraan sistem, dan pengurusan bandar Shah Alam.



#### Pihak Berkepentingan dan Bagaimana Projek Memenuhinya:

Pelanggan / Pihak Berkepentingan	Keperluan / Kehendak	Bagaimana Projek Memenuhinya
<b>Penduduk Bandar Shah Alam</b>	Persekitaran yang selamat dan pemantauan yang berkesan	Pemantauan masa nyata menggunakan kamera solar di kawasan berisiko.
<b>Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat MBSA</b>	Infrastruktur digital yang cekap dan mampan	Integrasi IoT, tenaga solar, dan dashboard digital untuk pemantauan.
<b>Jabatan Penguatkuasaan MBSA</b>	Maklumat pantas dan akses rakaman insiden	Rakaman automatik dan notifikasi segera melalui sensor gerakan.

Pelanggan / Pihak Berkepentingan	Keperluan / Kehendak	Bagaimana Projek Memenuhinya
Jabatan Khidmat Pengurusan MBSA	Kos operasi yang rendah dan pengurusan aset lebih efisien	Penggunaan tenaga solar mengurangkan bil elektrik dan keperluan pemasangan tambahan.
Jabatan Kejuruteraan MBSA	Sokongan teknikal dan keselamatan pemasangan	Samakan teknikal terhadap struktur tiang dan lokasi pemasangan, serta keselamatan fizikal.
Unit Integriti MBSA	Ketelusan, data sahih dan pemantauan beretika	Rakaman masa nyata yang boleh digunakan untuk semakan dan audit dalaman.
Agensi Keselamatan Luar (Polis, Bomba, dll)	Akses kepada maklumat insiden yang tepat dan segera	Rakaman berkualiti tinggi dan notifikasi automatik untuk siasatan dan tindak balas kecemasan.

### Rujukan

### Ringkasan

Kerangka Bandar Pintar Malaysia (2019), KPKT	Menyokong penyepaduan teknologi digital untuk meningkatkan keberkesanan pentadbiran bandar.
Dasar Bandar Rendah Karbon (2021), KPKT	Menekankan penggunaan teknologi hijau seperti tenaga solar dalam infrastruktur bandar.
Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MBSA (2020–2024)	Menekankan ketelusan dan integriti dalam pengurusan dalaman, termasuk pemantauan dan pelaporan oleh jabatan/unit.
Pelan Induk Keselamatan Bandar Selamat (2018), PDRM & KPKT	Menggariskan kepentingan pemantauan bersepadu dan kerjasama pelbagai agensi dalam mengurangkan jenayah dan risiko keselamatan.
Dasar Keselamatan Negara (2021), MKN	Menekankan pendekatan keselamatan menyeluruh, termasuk penggunaan teknologi pemantauan yang proaktif dan sistematik.
Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025, MAMPU	Menggalakkan penyatuan sistem maklumat dan teknologi pintar dalam operasi jabatan kerajaan.

### C. KAITAN DENGAN AGENDA DAN MATLAMAT NASIONAL

Projek IRIS selari dengan pelbagai agenda dan matlamat nasional dalam usaha memperkukuh keselamatan bandar, mempercepat pendigitalan perkhidmatan awam, dan menyokong pembangunan mampan.

Agenda/Maklumat Nasional	Perincian dan Kaitan dengan Projek IRIS
Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)	Menyokong teras “Kemakmuran Bersama Melalui Teknologi” dan “Keselamatan dan Kesejahteraan Rakyat” melalui pembangunan sistem pemantauan pintar yang meningkatkan keselamatan komuniti bandar.
Dasar Bandar Pintar Malaysia (KPKT, 2019)	Menyokong inisiatif bandar pintar melalui penggunaan teknologi ICT, data raya (big data), dan IoT untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bandar serta kesejahteraan rakyat.
Dasar Keselamatan Negara (MKN, 2021)	Projek ini menepati prinsip keselamatan menyeluruh (comprehensive security) melalui pemantauan bersepadu

	yang dapat mencegah insiden dan meningkatkan ketenteraman awam.
Dasar Pendigitalan Sektor Awam (MAMPU, 2021)	IRIS mengaplikasikan sistem berasaskan teknologi pintar dan pendigitalan proses pemantauan selaras dengan hasrat kerajaan untuk mentransformasi perkhidmatan awam ke arah era digital.
Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12)	RMK-12 menekankan keselamatan awam, kelestarian bandar, dan pendigitalan kerajaan. Projek IRIS menyumbang secara langsung kepada semua fokus ini melalui pendekatan holistik.
Dasar Bandar Rendah Karbon (DBRK)	Melalui penggunaan tenaga solar dan sistem pintar, projek ini menyokong agenda pengurangan karbon dan pembangunan lestari di kawasan bandar.
Matlamat Pembangunan Mampan (SDG - Sustainable Development Goals)	Menyokong SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan) dan SDG 16 (Keamanan, Keadilan dan Institusi Kukuh) melalui pendekatan teknologi dan ketelusan dalam pemantauan keselamatan bandar.


#### D. KAITAN DENGAN KEADAAN DAN EKOSISTEM SEMASA

Aspek/Keadaan Semasa dan Kaitan dengan Projek IRIS:

Aspek/Keadaan Semasa	Kaitan dengan Projek IRIS
Tingkatkan Keperluan Keselamatan Bandar	Memperkenalkan pemantauan bersepadu untuk mengurangkan risiko dan memberi tindak balas pantas.
Pendigitalan dan Revolusi Teknologi	Memanfaatkan teknologi IoT, data besar, dan AI untuk pemantauan real-time dan pengurusan bandar.
Cabaran Pengurusan Sumber	Mengoptimalkan penggunaan tenaga solar dan pengurusan data digital untuk efisiensi.
Keperluan untuk Kolaborasi Antara Agensi	Menyediakan platform bersepadu untuk komunikasi dan kerjasama yang efisien antara agensi.
Penekanan kepada Kelestarian Alam Sekitar	Menggunakan tenaga solar dan teknologi hijau untuk mengurangkan jejak karbon bandar.
Kemajuan dalam Sistem Pemantauan Pintar	Mengintegrasikan CCTV berteknologi tinggi dan sensor pintar untuk meningkatkan keselamatan.
Tuntutan terhadap Ketelusan dan Integriti	Memudahkan jejak audit dan menyediakan laporan telus untuk meningkatkan kepercayaan awam.

#### E. PEMBUKTIAN MELALUI ANALISIS (BAGI TUJUAN PENYELESAIAN)

**Sesi brainstorming** melibatkan kumpulan dari pelbagai jabatan dan pemegang taruh untuk mengenalpasti isu utama dalam sistem keselamatan bandar. Proses ini membolehkan pengumpulan idea secara terbuka tanpa penapisan. Sebanyak 10 masalah utama telah disenaraikan, merangkumi aspek keselamatan, teknologi, sumber manusia, dan pengurusan data. Berikut adalah senarai **10 masalah utama** yang dikenalpasti dalam sesi brainstorming:



1. Kelewatan dalam respons terhadap insiden keselamatan.
2. Kekurangan koordinasi antara jabatan dalam pengurusan keselamatan bandar.
3. Infrastruktur yang ketinggalan zaman dalam pemantauan keselamatan.
4. Kekurangan sistem pemantauan yang terintegrasi antara pelbagai agensi.
5. Masalah kesulitan akses data untuk analisis keselamatan.
6. Ketidakupayaan untuk memantau keselamatan bandar secara masa nyata.
7. Kekurangan latihan untuk pegawai keselamatan mengenai teknologi baru.
8. Kekangan dalam penggunaan teknologi hijau dalam sistem pemantauan.
9. Isu ketelusan dalam laporan dan pengurusan kejadian.
10. IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar

**Kaedah SMART (Specific, Measurable, Achievable, Relevant, Time-bound)**

Kaedah Analisis SMART telah digunakan untuk menyenarai pendek 5 masalah utama bagi menyaring dan memilih masalah yang paling layak diselesaikan secara inovatif. Ia lebih fokus kepada masalah yang jelas, terukur dan relevan dengan fungsi organisasi.

Kaedah Analisis SMART					
Masalah	Specific	Measurable	Achievable	Relevant	Time-bound
Kelewatan dalam respons terhadap insiden keselamatan	✓	✓	✓	✓	✓
Kekurangan koordinasi antara jabatan dalam pengurusan keselamatan bandar	✓	✓	✓	✓	✓
Infrastruktur yang ketinggalan zaman dalam pemantauan keselamatan	✓	✓	✓	✓	✓
Kekurangan sistem pemantauan yang terintegrasi antara pelbagai agensi	✓	✓	✓	✓	✓
IRIS - Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar	✓	✓	✓	✓	✓

- **Kaedah Undian Ahli Kumpulan**

Kumpulan menggunakan Kaedah Undian Ahli Kumpulan dan Analisis SMART untuk memilih masalah utama. Berdasarkan undian, masalah "Kekurangan sistem pemantauan yang terintegrasi antara pelbagai agensi" dipilih sebagai tajuk utama. Projek inovasi yang dibangunkan adalah "IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar."

Bil	Nama Kumpulan Ahli	Kelewatan Respons Insiden	Koordinasi Antara Jabatan	Infrastruktur Ketinggalan Zaman	Kekurangan Sistem Terintegrasi	Masalah Akses Data	Pilihan
1	Sahrul				✓		Terintegrasi
2	Ilyas				✓		Terintegrasi
3	Hairuddin				✓		Terintegrasi
4	Shamsul			✓			Infrastruktur
5	Najhan				✓		Terintegrasi
6	Suraya				✓		Terintegrasi
7	Iskandar				✓		Terintegrasi
8	Hasanol				✓		Terintegrasi
9	Suhaimi				✓		Terintegrasi
10	Zarif				✓		Terintegrasi

**Keputusan:** Masalah "Kekurangan sistem pemantauan yang terintegrasi antara pelbagai agensi" menerima 9 daripada 10 undian (90%), sekaligus dipilih sebagai masalah utama.

## 2.6 PEMILIHAN TAJUK PROJEK

Pemilihan tajuk projek utama ini juga disokong melalui data laporan aduan keselamatan dan prasarana awam bagi tahun 2022 hingga 2024 yang menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah aduan yang diterima daripada penduduk bandar Shah Alam. Antara isu utama yang sering dilaporkan termasuk:


1. Lampu jalan rosak atau tidak berfungsi.
2. Kawasan gelap dan tidak selamat.
3. Kawasan terjejas banjir tidak dilengkapi pencahayaan, menyukarkan usaha pemantauan dan tindakan kecemasan
4. Kejadian vandalisme dan pencerobohan.
5. Kelewatan tindakan terhadap aduan keselamatan.
6. Ketiadaan sistem pemantauan bersepadu (contohnya CCTV yang tidak aktif atau tidak dikongsi)

Berdasarkan rekod dalaman, jumlah aduan yang berkaitan dengan keselamatan dan pemantauan prasarana adalah seperti berikut:

Tahun	Lampu Jalan Rosak	Kawasan Gelap	Vandalisme	Tindakan Lambat	Tiada Pemantauan	Isu Bencana (Banjir, dll)	Jumlah Aduan
2022	320	150	120	180	100	60	930
2023	375	190	160	210	130	85	1,150
2024	410	220	200	240	170	105	1,345

Peningkatan aduan sebanyak **44.6%** dalam tempoh tiga tahun ini, termasuk isu berkaitan bencana seperti banjir dan gangguan kuasa, jelas menunjukkan keperluan mendesak untuk membangunkan satu sistem yang lebih efektif, responsif dan masa nyata dalam memantau keselamatan bandar secara menyeluruh. Sehubungan itu, kumpulan telah membangunkan satu projek inovasi berimpak tinggi bertajuk: **IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar**

Berikut ialah **graf visual trend aduan keselamatan bandar Shah Alam bagi tahun 2022 hingga 2024**.



**Perincian Masalah Menggunakan Kaedah 5W+2H.** Untuk memastikan pemahaman yang menyeluruh terhadap masalah, kaedah **5W+2H (What, Why, Where, When, Who, How, How Much)** telah digunakan. Hasil perincian adalah seperti berikut:

What (Apa)	Projek IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar. Masalah pemantauan keselamatan bandar yang tidak efisien, tidak bersepadu, dan lambat memberi maklum balas terhadap aduan.		
Why (Mengapa)	Kerana sistem pemantauan yang sedia ada tidak dikendalikan secara masa nyata, tiada penyelarasan antara jabatan, dan bergantung kepada kaedah manual.		
Where (Di mana)	Di kawasan-kawasan tumpuan awam seperti taman permainan, lorong gelap, perumahan awam, dan jalan utama di sekitar bandar Shah Alam.		
When (Bila)	Isu ini berlaku berterusan, dengan aduan yang semakin meningkat dari tahun 2019 hingga 2021. Kejadian lebih ketara berlaku pada waktu malam.		
Who (Siapa)	Penduduk bandar, pengurus komuniti (JMB), pihak berkuasa tempatan, jabatan teknikal dan keselamatan MBSA.		
How (Bagaimana)	Masalah ini timbul akibat sistem pemantauan yang tidak dikongsi secara bersepadu, kurang penggunaan teknologi IoT, dan kurang capaian data masa nyata.		
How Much (Berapa kerap/impaknya)	Nota: Kos sebenar bergantung kepada lokasi, jenis tiang dan kerosakan.		
	Perkara	Anggaran Kos / Jumlah	Catatan
	Kos penggantian tiang pintar	RM80,000 – RM150,000	Termasuk teknologi pintar dan kos pemasangan
	Kos penggantian tiang biasa	RM700 – RM1,500	Tanpa pemasangan dan komponen tambahan
	Bilangan lampu jalan (2024)	46,000	100% disasarkan kepada LED
Penjimatan bil elektrik	~RM7.3 juta setahun	Hasil penukaran kepada lampu LED 2018	

## B. PENYATAAN SASARAN HASIL DAN IMPAK

### Sasaran Hasil:

- Meningkatkan keberkesanan pemantauan keselamatan bandar dengan sistem IRIS yang efisien dan berteknologi tinggi.
- Tindak balas pantas terhadap insiden melalui maklumat masa nyata, membolehkan tindakan segera dari jabatan berkaitan.
- Mengurangkan insiden jenayah dan kerosakan aset awam dengan pemantauan menyeluruh dan penggunaan lampu solar.

- Penjimatan kos operasi jangka panjang melalui penggunaan teknologi solar, mengurangkan kos utiliti dan penyelenggaraan.

**Sasaran Impak:**


- Mewujudkan bandar selamat dan pintar dengan sistem pemantauan bersepadu.
- Meningkatkan keyakinan dan kepuasan penduduk melalui persekitaran yang lebih selamat dan mudah dipantau.
- Menjadikan IRIS sebagai piawai inovasi keselamatan yang boleh dijadikan model rujukan untuk PBT lain.



**BAHAGIAN 3: TINDAKAN PENYELESAIAN DAN PEMBUKTIAN**

**A. CADANGAN PENYELESAIAN**

Kumpulan telah menggunakan kaedah *Design Thinking* dalam menyelesaikan masalah berkaitan pemantauan keselamatan bandar. Kaedah ini merangkumi lima proses utama iaitu *Empathy, Define, Ideate, Prototype dan Test*.



**B. PELAKSANAAN TINDAKAN PENYELESAIAN**

Pelaksanaan projek IRIS dilakukan melalui lima fasa utama dalam Design Thinking: Empathy, Define, Ideate, Prototype, dan Test. Setiap fasa melibatkan tindakan strategik dan kolaboratif antara jabatan seperti Jabatan Digital & Teknologi Maklumat, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Kejuruteraan, dan Unit Integriti.

Fasa	Tindakan	Tempoh Pelaksanaan	Pegawai Bertanggungjawab (PIC)
<b>Empathy</b>	Menjalankan sesi libat urus bersama komuniti serta mengenal pasti punca masalah melalui aduan dan maklum balas.	Jan 2024 – Feb 2024	Unit Integriti & Jabatan Teknologi Digital
<b>Define</b>	Menyusun semula maklumat dan merumuskan pernyataan masalah dengan jelas berdasarkan data yang diperoleh.	Mac 2024	Unit Integriti
<b>Ideate</b>	Melaksanakan sesi sumbang saran dan penilaian idea bagi membangunkan cadangan penyelesaian yang berpotensi.	Apr 2024	Unit Integriti & Jabatan Pengurusan Inovasi
<b>Prototype</b>	Membangunkan serta menguji prototaip sistem IRIS di lokasi yang telah dikenal pasti.	Mei 2024 – Jun 2024	Jabatan Teknologi Digital
<b>Test</b>	Melaksanakan ujian lapangan serta mengumpulkan maklum balas pengguna bagi menilai keberkesanan sistem IRIS.	Jul 2024 – Ogos 2024	Unit Integriti & Jabatan Keselamatan

Kumpulan EX7 telah melaksanakan lima (5) fasa utama bermula dari Januari hingga Ogos 2024, seperti berikut:

**Fasa 1: Empathy (Jan–Feb 2024)**

Kumpulan menjalankan sesi libat urus dengan komuniti dan pihak berkepentingan MBSA untuk mengenal pasti isu keselamatan dan kelemahan sistem sedia ada. Menggunakan kaedah 5W+2H, kumpulan memahami latar belakang masalah, keperluan pengguna, dan cabaran secara menyeluruh.

Terma	Definisi
<b>What (Apa)</b>	IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar merupakan penyelesaian inovatif yang dibangunkan untuk menangani masalah kekurangan sistem pemantauan keselamatan bandar yang bersepadu, responsif dan bersifat masa nyata, khususnya di kawasan berisiko tinggi.

Terma	Definisi																		
<b>Why (Kenapa)</b>	Sistem sedia ada bersifat reaktif, tidak menyeluruh serta tidak beroperasi secara masa nyata. Keadaan ini menyebabkan kelewatan tindakan terhadap insiden keselamatan dan meningkatkan kebimbangan serta rasa tidak selamat dalam kalangan penduduk.																		
<b>Where (Di mana)</b>	Kawasan yang terlibat termasuk taman awam, lorong belakang, laluan pejalan kaki, kawasan perumahan berisiko, dan kawasan gelap tanpa lampu — yang sering terdedah kepada insiden kecurian, vandalisme dan aktiviti mencurigakan. Selain itu, sistem ini turut menyasarkan kawasan berisiko bencana seperti banjir kilat, terutamanya kawasan rendah yang kerap dinaiki air atau mengalami gangguan bekalan elektrik, bagi membolehkan pemantauan masa nyata dan tindakan kecemasan lebih pantas oleh pihak berkuasa.																		
<b>When (Bila)</b>	Isu keselamatan ini sering berlaku pada waktu malam, ketika hujan, atau semasa tiada rondaan fizikal dijalankan. Faktor pencahayaan yang rendah dan lokasi terpencil turut menyumbang kepada peningkatan risiko.																		
<b>Who (Siapa)</b>	Pihak yang terlibat termasuk penduduk setempat, pengunjung kawasan awam, Jabatan Penguatkuasaan, Jabatan Digital dan Teknologi Maklumat, Jabatan Kejuruteraan, Unit Integriti serta agensi luar seperti Polis.																		
<b>How (Bagaimana)</b>	Isu ini dikenal pasti melalui aduan awam, laporan keselamatan, data aduan digital, sesi libat urus bersama komuniti serta pemerhatian lapangan oleh pihak teknikal dan pengurusan MBSA.																		
<b>How Much (Berapa Banyak)</b>	<p data-bbox="424 1046 863 1077"><a href="#">Kos Pemasangan dan Harga Tiang Lampu</a></p> <table border="1" data-bbox="424 1077 1485 1413"> <thead> <tr> <th data-bbox="424 1077 775 1160">Jenis Projek</th> <th data-bbox="775 1077 983 1160">Kos Seunit (Anggaran)</th> <th data-bbox="983 1077 1485 1160">Catatan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="424 1160 775 1211">MBSA – Tiang Lampu Pintar (2022)</td> <td data-bbox="775 1160 983 1211">RM153,750</td> <td data-bbox="983 1160 1485 1211">Termasuk teknologi pintar dan kos pemasangan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 1211 775 1263">Cadangan Alternatif MBSA</td> <td data-bbox="775 1211 983 1263">RM80,000</td> <td data-bbox="983 1211 1485 1263">Kos alternatif lebih rendah</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 1263 775 1314">Projek Naik Taraf Lampu (2023)</td> <td data-bbox="775 1263 983 1314">RM7,500</td> <td data-bbox="983 1263 1485 1314">Lampu biasa, tiada teknologi pintar</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 1314 775 1366">Harga Pasaran Tiang Lampu</td> <td data-bbox="775 1314 983 1366">RM700 – RM1,400</td> <td data-bbox="983 1314 1485 1366">Tanpa pemasangan dan komponen tambahan</td> </tr> <tr> <td data-bbox="424 1366 775 1413">Harga Pasaran Tiang Lampu Solar</td> <td data-bbox="775 1366 983 1413">RM800 – RM1,500</td> <td data-bbox="983 1366 1485 1413">Bergantung kepada spesifikasi, tanpa pemasangan</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="424 1413 1485 1487">Nota: Harga tiang lampu pintar jauh lebih tinggi kerana melibatkan komponen tambahan seperti sensor keselamatan, kamera dan sistem IoT.</p>	Jenis Projek	Kos Seunit (Anggaran)	Catatan	MBSA – Tiang Lampu Pintar (2022)	RM153,750	Termasuk teknologi pintar dan kos pemasangan	Cadangan Alternatif MBSA	RM80,000	Kos alternatif lebih rendah	Projek Naik Taraf Lampu (2023)	RM7,500	Lampu biasa, tiada teknologi pintar	Harga Pasaran Tiang Lampu	RM700 – RM1,400	Tanpa pemasangan dan komponen tambahan	Harga Pasaran Tiang Lampu Solar	RM800 – RM1,500	Bergantung kepada spesifikasi, tanpa pemasangan
Jenis Projek	Kos Seunit (Anggaran)	Catatan																	
MBSA – Tiang Lampu Pintar (2022)	RM153,750	Termasuk teknologi pintar dan kos pemasangan																	
Cadangan Alternatif MBSA	RM80,000	Kos alternatif lebih rendah																	
Projek Naik Taraf Lampu (2023)	RM7,500	Lampu biasa, tiada teknologi pintar																	
Harga Pasaran Tiang Lampu	RM700 – RM1,400	Tanpa pemasangan dan komponen tambahan																	
Harga Pasaran Tiang Lampu Solar	RM800 – RM1,500	Bergantung kepada spesifikasi, tanpa pemasangan																	

## Fasa 2: Define (Mac 2024)

Data dari fasa Empathy dianalisis untuk menghasilkan pernyataan masalah yang jelas. Kumpulan mendapati MBSA memerlukan sistem pemantauan responsif, masa nyata dan beroperasi dengan tenaga boleh diperbaharui, dengan fokus meningkatkan kecekapan respons terhadap insiden keselamatan berdasarkan pemahaman mendalam pengguna.

Pengguna	Maklumat Menarik Ketegangan, Percanggahan / Kejutan)	Penemuan (Emosi dan Pengalaman)	Kita Hendak Membantu (Aspirasi kumpulan, bukan solusi)
Pn. Noraini Binti Ahmad Umur: 42 tahun Pekerjaan: Surirumah Lokasi: Seksyen 7, Shah Alam	“Lampu jalan di taman permainan selalu rosak. Bila malam, memang gelap dan seram. Ada budak-budak lepak situ.”  – Percanggahan antara kawasan rekreasi yang sepatutnya selamat, tetapi menjadi kawasan berisiko.	Rasa bimbang, takut anak-anak jadi mangsa, serta kecewa kerana aduan lampu rosak tidak diambil tindakan segera.	Membantu golongan ibu bapa merasa yakin bahawa kawasan permainan dan rekreasi adalah selamat untuk anak-anak sepanjang masa.
En. Ravi A/L Kumar Umur: 35 tahun Pekerjaan: Pekerja kilang Lokasi: Seksyen 19, Shah Alam	“Kadang-kadang kami balik malam dari kerja. Lorong belakang rumah saya gelap, ada juga orang pernah kena samun.”  – Ketegangan antara keperluan berjalan selamat dengan keadaan fizikal kawasan perumahan.	Rasa takut, terancam, dan tidak selesa berjalan kaki waktu malam, walaupun hanya beberapa meter dari rumah.	Membantu golongan pekerja yang pulang lewat malam untuk merasa selamat di kawasan kejiranan mereka sendiri.
Cik Siti Nurhaliza Binti Zainal Umur: 28 tahun Pekerjaan: Pegawai Teknologi Maklumat Lokasi: Seksyen U10	“Saya nampak CCTV dipasang, tapi macam tak digunakan. Pernah ada kes pecah kereta tapi tiada tindakan.”  – Kejutan bahawa walaupun sistem keselamatan fizikal wujud, ia tidak digunakan secara efektif.	Rasa kecewa dan tidak percaya kepada keberkesanan sistem keselamatan sedia ada.	Membantu golongan profesional dan penduduk umum mempercayai bahawa sistem pemantauan benar-benar berfungsi dan memberi kesan langsung terhadap keselamatan. <b>“IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar.”</b> Berdasarkan hasil dapatan daripada proses <b>Empati</b> , berikut merupakan takrifan masalah sebenar yang dirumus melalui interaksi bersama pengguna:

### Fasa 2: Define (Mac 2024)

Kumpulan menganalisis data fasa Empathy dan mendapati keperluan membangunkan sistem pemantauan bersepadu, responsif, masa nyata, dan menggunakan tenaga boleh diperbaharui untuk meningkatkan kecekapan respons keselamatan.



### Fasa 3: Ideate

Kumpulan mengadakan sesi brainstorming melibatkan jabatan berkaitan dan mencadangkan penggunaan kamera dan lampu solar, sistem notifikasi automatik, serta dashboard pintar. Hasil penilaian, konsep **IRIS** dipilih sebagai solusi utama yang menggabungkan semua elemen ini.

Idea	Kelebihan / Potensi
Penggunaan kamera CCTV berkuasa solar	Mampu dipasang di kawasan tanpa bekalan elektrik, jimat tenaga, mudah alih

Idea	Kelebihan / Potensi
Lampu pencahayaan solar terintegrasi	Menyediakan pencahayaan kawasan gelap secara automatik dan menyokong rakaman CCTV pada waktu malam.
Integrasi dengan sensor gerakan	Boleh mengesan aktiviti luar biasa secara automatik
Pembangunan dashboard pemantauan masa nyata	Memudahkan pemantauan oleh pihak penguat kuasa & teknikal
Notifikasi segera melalui aplikasi atau Telegram Bot	Notifikasi automatik kepada pusat kawalan apabila sistem lampu solar mengalami gangguan, terpadam atau gagal berfungsi. Fungsi ini membolehkan tindakan penyelenggaraan segera diambil sebelum kawasan menjadi terlalu gelap dan berisiko.
Sistem rakaman berasaskan cloud	Meningkatkan keselamatan data dan kebolehcapaian serta menyimpan maklumat sejarah rakaman untuk audit atau siasatan.

### Pilihan Idea (“Ideate”)

Daripada penilaian beberapa cadangan, kumpulan memilih konsep **IRIS – Sistem Pemantauan Bersepadu untuk Keselamatan Bandar**, yang menggabungkan:

- Kamera CCTV berkuasa solar beresolusi tinggi dengan sensor gerakan
- Lampu solar pintar untuk pencahayaan berterusan
- Sistem notifikasi masa nyata (real-time)
- Paparan dashboard digital masa nyata (real-time)

Pemilihan berasaskan kebolehlaksanaan teknikal, kos, impak keselamatan awam, dan keserasian dengan objektif bandar pintar & rendah karbon MBSA.

### Fasa 4: Prototype (Mei–Jun 2024)

– **Lokasi:** Tiang CCTV KPKT lama, Seksyen 25, Shah Alam (kawasan berisiko tinggi).




– **Komponen Utama:**

1. Kamera CCTV beresolusi tinggi + sensor gerakan
2. Lampu pencahayaan solar terintegrasi
3. Panel solar + sistem bateri sokongan
4. Sambungan data ke dashboard kawalan untuk pemantauan masa nyata – **Ujian:** Ketahanan komponen, keupayaan pengecasan solar, dan kestabilan sambungan data ke pusat kawalan.


Ketahanan komponen, keupayaan pengecasan solar dan sambungan data ke pusat kawalan.

Kumpulan menghasilkan lakaran rekabentuk awal IRIS untuk memvisualkan susun atur komponen dan fungsi utama, memudahkan pemasangan, ujian, dan komunikasi dengan pihak berkepentingan. Secara dalaman, mereka juga menyusun pelan kejuruteraan lengkap tanpa kos luaran, sambil memulakan pemasangan lampu IMPUL di lokasi terpilih untuk meningkatkan keberkesanan projek. Rujuk **Lampiran 5** untuk melihat Pelan Lakaran dan Kejuruteraan yang telah dibangunkan sebagai asas kepada pembangunan sistem ini.

### Fasa 5: Test (Julai – Ogos 2024)



Ujian lapangan telah dijalankan selama dua bulan di lokasi pemasangan. Sistem telah diuji dalam pelbagai keadaan termasuk waktu malam, cuaca hujan dan kawasan kurang liputan lampu jalan. Ujian ini juga melibatkan beberapa aspek teknikal dan operasional seperti berikut:



### 1. Ujian Fungsi Kamera dan Sensor

- Kamera diuji dalam keadaan siang dan malam bagi memastikan kualiti rakaman jelas, termasuk fungsi infrared (IR).
- Sensor gerakan (PIR) dan sensor bunyi diuji untuk mengesan pergerakan serta tahap kebisingan luar biasa di kawasan pemantauan.

### 2. Ujian Sistem Tenaga Solar

